

22/11/2001

Yang di-Pertuan Agong baru dipilih sebulan lagi

KUALA LUMPUR, Rabu - Raja-Raja Melayu akan bermesyuarat dalam masa sebulan untuk memilih Yang di-Pertuan Agong yang baru, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehingga Yang di-Pertuan Agong baru itu dipilih oleh Majlis Raja-Raja, Timbalan Yang di-Pertuan Agong sekarang, Sultan Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin menjadi pemangku Yang di-Pertuan Agong.

"Dalam masa empat minggu, mesyuarat Raja-Raja akan diadakan dan akan memutuskan siapa Yang di-Pertuan Agong baru," kata Perdana Menteri dalam sidang akhbar selepas mengumumkan kemangkatan Yang di-Pertuan Agong ke-11 Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah melalui RTM di Angkasapuri, hari ini.

Perdana Menteri berkata, upacara perisytiharan Sultan Selangor yang baru, akan diadakan di Istana Alam Shah, Klang esok.

Mengikut Artikel 33 (3) Perlembagaan Persekutuan, jika berlaku sebarang kekosongan jawatan Yang di-Pertuan Agong, maka jawatan Timbalan Yang di-Pertuan Agong, akan turut tamat tempohnya.

Majlis Raja-Raja akan bersidang dalam tempoh empat minggu untuk mencari pengganti bagi dua jawatan itu.

Dr Mahathir berkata, jenazah Seri Paduka akan dibawa dari Istana Negara ke hadapan Bangunan Sultan Abdul Samad berhadapan Dataran Merdeka untuk penghormatan terakhir Angkatan Tentera sebelum dibawa pulang ke Istana Alam Shah di Klang.

"Dari situ, jenazah Seri Paduka akan dibawa dengan kenderaan jenazah diraja ke Istana Alam Shah, Klang bagi penghormatan terakhir untuk rakyat sebelum disemadikan di Makam Diraja Klang," katanya.

Di Istana Alam Shah, Dr Mahathir akan menyerahkan jenazah Seri Paduka kepada Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamad Khir Toyo, diikuti upacara pengisytiharan Sultan Selangor yang baru.

Jenazah Almarhum dibawa dari Pusat Rawatan Gleneagles Intan di Jalan Ampang ke Istana Selangor di Jalan Sultan Hishamuddin pada 2.05 petang ini untuk membolehkan kaum kerabat baginda memberikan penghormatan terakhir.

(END)